

# Pelajar kena bijak manfaat ICT dalam pembelajaran

**Susulan** penangguhan kemasukan pelajar baharu ke universiti awam yang dijadualkan bermula Oktober ini, pelajar dinasihatkan supaya bijak memanfaatkan kaedah pembelajaran baharu melalui teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Untuk itu, golongan pelajar diajak bersedia mental dan fizikal untuk menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran baharu dalam talian dengan menggunakan pelbagai aplikasi disediakan.

Aplikasi ini terhidang untuk menggantikan kaedah pembelajaran secara bersemuka.

Bagi melancarkan perjalanan kuliah melalui kaedah ini, pelajar hendaklah bersedia dengan akses internet yang mencukupi selain peralatan asas seperti komputer riba ataupun telefon pintar mengikut kemampuan masing-masing.

Jangan pula ada yang membebankan ibu bapa untuk membeli gajet yang canggih dan mahal kerana boleh jadi menyusahkan mereka, terutama dalam pasca pemulihan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Mahasiswa baharu universiti dinasihatkan bijak membina kemahiran sendiri untuk menyiapkan tugas dan kerja kursus yang ditetapkan.

Usah mencari jalan mudah dengan hanya menyalin dan meniplak segala sumber daripada dalam talian tanpa menyemak kesalahan fakta dan tidak mengolah semula berdasarkan pemahaman sendiri.

Sebaiknya, banyaklah membaca dan

hanya mengambil fakta daripada sumber yang berautoriti. Malah, rujukan kepada perpustakaan universiti juga tidak lagi terhad kepada tempoh tertentu dan boleh diakses sepanjang masa.

Pelajar universiti juga hendaklah membina kemahiran sendiri untuk merujuk sumber dalam talian bagi mengelak terbabat dengan aktiviti plagiarisme yang tidak beretika.

Berusahalah untuk menyiapkan tugas dan kerja kursus yang berkualiti dan sistematik agar menjadi sebuah karya ilmiah yang bermutu tinggi.

Dalam pada itu jangan pula ada pe-

lajar yang seronok menjadi pembongceng gratis apabila hanya berharap kepada usaha rakan, sedangkan diri sendiri sibuk bekerja sambil walaupun sesi perkuliahan sudah bermula.

Pelajar juga diingatkan tidak leka bersebang ataupun bermain gajet ketika sesi perkuliahan sedang berlangsung kerana akan menyebabkan mereka tertinggal mengikuti pelajaran disampaikan pensyarah.

Pelajar hendaklah mendisiplinkan diri, mematuhi jadual perkuliahan ditetapkan dan jangan ponteng kuliah.

Dalam pada itu, golongan yang di-

berhentikan kerja ketika pasca pemulihan COVID19, dipelawa melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi bagi mendapatkan pekerjaan lebih baik pada masa hadapan.


Atau boleh menambah kemahiran baharu seperti kursus bahasa dan komputer sebagai nilai tambah kepada sijil akademik sedia ada.

Kaedah pembelajaran secara dalam talian yang dipraktikkan ketika ini mempermudah sesi pembelajaran dan pada masa sama boleh melakukan kerja sambil apabila berkelapangan.

Akhirnya kaedah pembelajaran dalam talian tidak patut dijadikan alasan pelajar universiti untuk tidak boleh mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif yang terbaik.

Di mana ada usaha di situ ada jalan untuk berjaya. Malah dengan kaedah pembelajaran norma baharu secara dalam talian yang mula dipraktikkan semester lalu, mahasiswa universiti sepatutnya bijak mengambil peluang dan kesempatan untuk berjaya dengan lebih cemerlang.

Ibu bapa juga tidak perlu risau mengenai pembelajaran anak kerana pihak pengurusan universiti, termasuk kalangan pensyarah bersiap sedia melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian untuk kemashalatan semua pihak.



**Pelajar universiti perlu memanfaatkan** kaedah pembelajaran dalam talian untuk berjaya dengan cemerlang. (Foto hiasan)

**Dr Mohd Ali Muhamad Don**

Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pasir Gudang